

**Tahap Kefahaman Asas Islam dalam Kalangan Mualaf
Melalui Kelas Bimbingan Mualaf: Kajian di Hidayah
Centre Foundation, Lembah Klang**

***Level of Basic Understanding of Islam among Converts
Through Conversion Guidance Classes: A Study at
Hidayah Center Foundation, Klang Valley***

Fadhilatul Ehsan Fakhru Adabi

Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
ehsan.fadhilatul@gmail.com

Muhammed Yusof (Corresponding Author)

Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
my77@um.edu.my

Sayyid Buhar Musal Kassim

Jabatan Usuluddin dan Dakwah,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
sayyidforyou@gmail.com

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol54no1.2>

Abstrak

Mualaf berhadapan dengan cabaran penyesuaian dengan ajaran Islam disebabkan latar belakang yang pelbagai, sekali gus memerlukan sistem sokongan berstruktur bagi memastikan kefahaman agama Islam dapat diamalkan secara konsisten. Kelas Bimbingan Mualaf dilihat sebagai mekanisme penting dalam memperkukuh kefahaman dan sokongan sosial secara berterusan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis tahap kefahaman asas Islam dalam kalangan mualaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Mualaf anjuran Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang. Artikel ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang melibatkan 118 responden dan dianalisis menggunakan SPSS versi 26.0 secara deskriptif. Dapatan menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap kefahaman asas Islam yang tinggi. Secara khusus, aspek akidah, ibadah, akhlak dan sirah mencatatkan tahap tinggi berdasarkan nilai min antara 1.48 hingga 1.98, dengan sebahagian kecil item berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, dapatan penelitian ini mencerminkan bahawa mualaf yang menghadiri kelas ini mempunyai tahap kefahaman asas Islam yang tinggi.

Kata Kunci: Mualaf; Kelas Bimbingan Mualaf; kefahaman asas Islam; Hidayah Center Foundation

Abstract

Converts face the challenge of adapting to the teachings of Islam due to their diverse backgrounds, thus requiring a structured support system to ensure that the understanding of Islam can be practiced consistently. Conversion Guidance Classes are seen as an important mechanism in strengthening understanding and social support on an ongoing basis. This article aimed to analyze the level of basic understanding of Islam among converts who attended the Conversion Guidance Class organized by the Hidayah Center Foundation in the Klang Valley. This article used a quantitative approach through questionnaires involving 118 respondents and was analyzed using SPSS version 26.0 descriptively. The findings show that the majority of respondents have a high level of basic understanding of Islam. Specifically, the aspects of faith, worship, morals, and sirah recorded a high level based on the mean value between 1.48 and 1.98, with a small percentage of items being at the medium level. Overall, the findings of this study suggest that converts to Islam who attended the class showed a high level of basic understanding of Islam.

Keywords: Converts; Conversion Guidance Class; basic understanding of Islam; Hidayah Center Foundation

Pendahuluan

Agama Islam merupakan agama yang benar dan diredai oleh Allah SWT. Segala kebaikan dan keindahan kehidupan yang dibawa oleh agama Islam kepada manusia menggambarkan kesempurnaan agama ini.¹ Agama Islam yang telah diutuskan kepada Nabi Muhammad SAW dan diteruskan penyebaran dakwah tersebut oleh para sahabat bertepatan dengan tujuan Allah SWT menciptakan manusia. Allah SWT menyatakan dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 30 bahawa tujuan Dia menciptakan manusia adalah sebagai khalifah di bumi ini.² Oleh itu, menjadi

¹ Fathi Yakan, *Maza Yakni Intima' lil Islam*, trans. Alias Othman (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1985), 5.

² Mardinal Tarigan et al., "Manusia Sebagai Abdullah dan Manusia Sebagai Khalifah Fil Ardh," *Innovative: Journal of Social Science Research* 4.3 (2024), 16978.

tanggungjawab setiap Muslim untuk menyampaikan dan menyebarkan ajaran agama Islam kepada manusia lain.³

Ajaran Islam yang disampaikan adalah untuk membina individu Muslim yang bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah.⁴ Pembinaan individu Muslim ini juga dinamakan sebagai pembangunan insan.⁵ Apabila dakwah Islam telah disampaikan, hasilnya, jumlah individu yang memeluk Islam juga akan meningkat. Di Malaysia, gelaran yang diberikan kepada individu yang baru memeluk Islam ialah mualaf.⁶ Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk mengajarkan asas Islam kepada mualaf supaya mereka dapat mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan.⁷ Proses pengajaran agama Islam kepada mualaf ini merupakan sebahagian proses pembangunan mualaf dari sudut kefahaman asas Islam.⁸

Di Malaysia, selain badan-badan Kerajaan seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang menyediakan kelas bimbingan kepada mualaf, badan-badan bukan Kerajaan (NGO) juga turut terlibat dalam menyediakan kelas bimbingan kepada mualaf.⁹ Antara NGO yang bergiat aktif dalam membimbing mualaf ialah Hidayah Centre Foundation (HCF). Hidayah Centre Foundation (HCF) menyediakan Kelas Bimbingan Mualaf dan mendapat sambutan

³ Muslim Djuned dan Pinar Ozdemir, "Penafsiran Ayat-Ayat Amar Ma'ruf Nahi Munkar Menurut Muhammad Fethullah Gulen," *TAFSE: Journal of Qur'anic Studies* 4.2 (2019), 198.

⁴ Kamarul Azmi Jasmi dan Abdul Halim Tamuri, *Dasar Akidah Islam* (Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2011), 9.

⁵ Taufiq Yap Yun Hin, "Hala Tuju Pendidikan Tinggi Muallaf di Malaysia: Isu dan Cabaran" (Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Sabah, 24-28 Ogos 2021), 6.

⁶ Mohd Noorazlan Md Ismail dan Nor Aini Ali, "Konsep Asnaf Mualaf dan Had Pengukuran Mualaf," *Jurnal Al-Basirah* 13.1 (2023), 31.

⁷ Sa'id Ramadan Al-Buti, *Fiqh al-Sirah*, trans. Mohd. Darus Sanawi 'Ali (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1985), 203.

⁸ Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Abd. Muhsin Ahmad, "Pendidikan Mualaf di Malaysia: Persepsi Guru dan Pelajar Mualaf" (Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Sabah, 24-28 Ogos 2021), 65.

⁹ Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail, "Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan," *Jurnal Usuluddin* 46.2 (2018), 98.

yang sangat baik dari pihak mualaf.¹⁰ Dalam Laporan Tahunan Hidayah Centre Foundation 2023 telah melaporkan bahawa seramai 957 orang mualaf telah menghadiri kelas bimbingan tersebut dan seramai 150 orang mualaf telah tamat pengajian serta mengikuti program usrah yang diadakan.¹¹ Justeru, artikel ini diketengahkan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman asas Islam mualaf melalui Kelas Bimbingan Mualaf di Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang.

Metodologi

Artikel ini mengkaji dengan membataskan kepada kefahaman asas Islam mualaf melalui Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang. Penelitian dijalankan di empat buah pusat Hidayah Centre Foundation (HCF) di Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat HCF di Taman Melawati, Pejabat HCF di Damansara, Pejabat HCF di Bandar Tun Razak dan Pusat Komuniti IKRAM Kawasan Batu. Data dan maklumat mengenai penelitian ini diperolehi melalui kaedah soal selidik. Kandungan soalan soal selidik ini telah dikemukakan kepada beberapa orang pakar dan beberapa penambahbaikan telah dilakukan sebelum diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kemudian, data yang didapati melalui soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0 bagi memproses data. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan, frekuensi, nilai min dan sisihan piawai bagi menjelaskan dapatan yang diperolehi. Untuk mengukur tahap kefahaman mualaf, responden diminta menjawab kesemua soalan yang dikemukakan dengan memilih salah satu daripada tiga pilihan jawapan iaitu betul, salah atau tidak pasti. Analisis deskriptif bagi tahap kefahaman mualaf dijalankan berdasarkan skala jawapan tersebut. Bagi soalan positif, jawapan 'Betul' dikodkan dengan skor 2. Manakala bagi jawapan 'Tidak pasti' dan 'Salah' dikodkan sebagai 0. Sebaliknya, bagi soalan negatif, jawapan 'Salah', dikodkan dengan skor 2, manakala bagi jawapan 'Betul' dan 'Tidak Pasti' dikodkan

¹⁰ Hajar Opir et al., "Pembangunan Insan Terhadap Saudara Baru Melalui Pendidikan Berasaskan Filantropi di Hidayah Centre Foundation," *International Journal of Islamic Studies* 30.2 (2023), 129-141.

¹¹ "Laporan Tahunan 2023 Hidayah Centre Foundation," *Hidayah Centre*, accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/laporan/>.

sebagai 0. Berdasarkan skala tersebut, tahap kefahaman mualaf ditentukan melalui nilai min, iaitu 0.00 - 0.66 dikategori sebagai rendah, 0.67 - 1.33 sebagai sederhana dan 1.34 - 2.00 sebagai tinggi. Responden tinjauan ini adalah seramai 118 orang daripada populasi mualaf di Kelas Bimbingan Mualaf anjuran Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang.

Pengenalan Hidayah Centre Foundation

Hidayah Centre Foundation (HCF) telah ditubuhkan pada tahun 2005. HCF merupakan satu institusi yang ditubuhkan untuk membantu menghubungkan komuniti daripada pelbagai etnik dan agama di Malaysia. Khidmat dan aktiviti yang dilakukan oleh HCF adalah tertumpu kepada masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama, serta membantu mualaf yang memerlukan bantuan dan bimbingan dalam pelbagai aspek.¹²

Hidayah Centre Foundation (HCF) merupakan salah satu badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif menjalankan aktiviti kesukarelawanan dan berperanan dalam menjadi pusat sokongan kepada mualaf. Visi Hidayah Centre Foundation (HCF) ialah menjadi satu organisasi rujukan dalam perkongsian Islam dan pemeraksanaan mualaf. Manakala, misi Hidayah Centre Foundation (HCF) pula adalah untuk membudayakan perkongsian keindahan Islam, membetulkan salah faham tentang Islam dan memperkasakan mualaf.¹³

Meskipun terdapat pelbagai badan bukan Kerajaan (NGO) yang turut terlibat dalam usaha membantu mualaf di Malaysia, Hidayah Centre Foundation mempunyai kekuatan dan keunikan tersendiri dalam menyumbang segala usaha untuk memperkasakan mualaf. Perkara ini dapat dilihat melalui kepelbagaian aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Antara aktiviti yang dilakukan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF) dalam usaha pembangunan mualaf ialah Kelas Bimbingan Mualaf, Ziarah Mualaf dan Rumah Transit, Sumbangan *Back to School*, Bantuan Modal Perniagaan Mualaf dan *Qurban for Mualaf*. Berdasarkan senarai aktiviti yang telah

¹² "Sejarah, Visi dan Misi," *Hidayah Centre*, accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/info-hcf/>.

¹³ "Sejarah, Visi dan Misi," *Hidayah Centre*, accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/info-hcf/>.

dilaksanakan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF), dapat dilihat bahawa HCF sangat bekerja keras dalam usaha pemerkasaan mualaf dan menyebarkan dakwah Islam di Malaysia.

Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Center Foundation

Hidayah Centre Foundation (HCF) merupakan satu badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai NGO yang aktif membantu pembangunan mualaf. Antara aktiviti pembangunan mualaf yang dilakukan oleh HCF ialah Kelas Bimbingan Mualaf. Kelas Bimbingan Mualaf anjuran HCF ini adalah bertujuan untuk membantu dan membimbing mualaf mempelajari agama Islam.¹⁴ Kelas Bimbingan Mualaf merupakan salah satu usaha HCF untuk membimbing mualaf mempelajari asas Islam agar mualaf dapat mengamalkan Islam dalam kehidupan selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Kelas ini merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu akidah, ibadah, akhlak, sirah dan al-Quran. Kelas tersebut diadakan setiap minggu di seluruh Malaysia.

Dalam Laporan Tahunan Hidayah Centre Foundation tahun 2023, sebanyak 77 Kelas Bimbingan Mualaf telah dijalankan dan mempunyai seramai 957 orang pelajar di seluruh Negara. Manakala, seramai 150 orang mualaf pula telah tamat pengajian dan mengikuti usrah yang disusun oleh HCF.¹⁵ Kelas Bimbingan Mualaf di HCF meraikan dua golongan, iaitu golongan mualaf dan golongan bukan Muslim. Antara objektif kelas yang diadakan untuk mualaf adalah: (1) melahirkan mualaf yang mempunyai pengetahuan asas Islam dan mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan, (2) menerapkan nilai Islam ke dalam diri mualaf dan (3) membangunkan potensi mualaf agar dapat menjadi Muslim contoh kepada orang sekeliling. Manakala objektif kelas kepada pelajar bukan Muslim pula adalah: (1) memberikan pendedahan dan kefahaman tentang Islam dan (2) menjernihkan salah faham terhadap Islam.

¹⁴ “Kelas Bimbingan Mualaf,” *Hidayah Centre*, accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/aktiviti/kelas-bimbingan-mualaf/>.

¹⁵ “Laporan Tahunan 2023 Hidayah Centre Foundation,” *Hidayah Centre*, accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/laporan/>.

Kepentingan Kelas Bimbingan Mualaf Terhadap Kefahaman Asas Islam

Kelas Bimbingan untuk golongan mualaf merupakan salah satu inisiatif penting dalam membantu mempelajari, memahami dan mendalami ajaran Islam supaya dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Kelas ini biasanya disediakan oleh badan-badan agama dan dakwah seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kebanyakan mualaf datang daripada latar belakang yang berbeza menyebabkan memerlukan sistem sokongan yang dapat membantu menyesuaikan diri dengan cara hidup Islam. Menurut Siti Aishah et al., kelas bimbingan untuk golongan mualaf secara tidak langsung dapat membantu mualaf mendapatkan sokongan sosial agar mualaf tidak berasa keseorangan setelah memeluk Islam.¹⁶ Sebagai individu yang baru mengenali Islam juga, para mualaf perlu menghadiri kelas bimbingan agama Islam secara berterusan dan terancang bagi memantapkan kefahaman agama Islam supaya dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Buktinya, dalam satu kajian yang dilakukan oleh Siti Nurjannati Mohamed dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit ke atas mualaf di Hulu Langat didapati bahawa kelas bimbingan yang diadakan untuk mualaf dapat meningkatkan kefahaman mengenai Islam. Hasil kajian mendapati seramai 123 orang daripada 132 orang (97%) responden bersetuju bahawa kelas bimbingan untuk golongan mualaf dapat membantu meningkatkan kefahaman terhadap Islam.¹⁷ Dengan bimbingan dan didikan yang berkesan, secara tidak langsung dapat membantu para mualaf untuk beramal dengan Islam secara istiqamah sehingga ke akhir hayat.¹⁸

¹⁶ Siti Aishah Yahya et al., "Hubungan Penghayatan Agama dan Sokongan Sosial Terhadap Tekanan dalam Kalangan Mualaf di Melaka," [Keluaran Khas]. *Jurnal 'Uhwan* 6.1 (2021), 36.

¹⁷ Siti Nurjannati Mohamed dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit, "Analisis Ringkas Impak Dakwah kepada Golongan Mualaf di Hulu Langat, Selangor," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3.2 (2020), 115.

¹⁸ Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit dan Ahmad Irdha Mokhtar, "Pembangunan Kepimpinan Asnaf Mualaf Dalam Pemerkasaan Gerakan Dakwah," *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6.2 (2023), 99.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hajar Opir et al. yang bertajuk “Pembangunan Insan Terhadap Saudara Baru Melalui Pendidikan Berasaskan Filantropi di Hidayah Centre Foundation” mendapati bahawa seramai 26 orang daripada 36 orang (70.5%) responden bersetuju bahawa Kelas Bimbingan untuk golongan mualaf dapat membantu untuk memahami Islam.¹⁹ Menurut Abdul Ghafar Don pula, Kelas Bimbingan untuk golongan mualaf merupakan platform yang penting untuk mualaf dididik dan dibimbing secara terancang dan berterusan agar dapat memahami Islam dengan baik, seterusnya dapat melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan.²⁰

Dengan mengikuti ajaran Islam yang benar berasaskan al-Quran dan sunnah, kehidupan seorang Muslim itu menjadi lebih tenang dan tenteram.²¹ Bagi mencapai tahap mengetahui dan memahami ajaran Islam secara mendalam, seorang mualaf yang baru mengenal Islam perlu berusaha untuk mencari dan menghadiri kelas-kelas pengajian agama Islam sama ada secara formal atau tidak formal.²² Hal ini kerana menjadi satu tanggungjawab sebagai seorang Muslim yang baru mengucapkan lafaz dua kalimah syahadah adalah untuk mempelajari ilmu pengajian agama Islam dengan sebaiknya dan dijadikan panduan dalam amalan seharian. Ilmu pengajian agama Islam untuk mualaf boleh dipelajari secara formal di dalam kursus atau kelas bimbingan untuk golongan mualaf di bawah anjuran Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri serta Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) yang berdaftar.²³ Dalam kelas bimbingan mualaf, para mualaf diajar ilmu asas mengenai Islam. Antara ilmu asas yang akan dipelajari ialah ilmu akidah, ibadah, akhlak, sirah dan al-Quran.²⁴

¹⁹ Hajar Opir et al., “Pembangunan Insan Terhadap Saudara Baru,” 138.

²⁰ Don, Abdul Ghafar, “Teknologi Kepimpinan Mualaf,” in *Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia*, ed. Abdul Halim Tamuri dan Baharudin Othman (Keningau: Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, 2021), 155.

²¹ Ayesha Syahira, *Talk to Allah: Finding Comfort by Making Du'a to Him* (Seri Kembangan: Iman Publication, 2019), 24.

²² Umniyyatul Ulya, “Efektivitas Yayasan Mualaf Center Indonesia dalam Membina Keagamaan Mualaf,” *Jurnal Multikultural & Multireligius* 19.1 (2020), 167.

²³ Umniyyatul Ulya, “Efektivitas Yayasan Mualaf Center Indonesia.”

²⁴ Faezy Adenan et al., “Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa Terhadap Tahap dan Kandungan,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22.1 (2021), 273-274.

Walau bagaimanapun, bagi mualaf yang masih baru mengenal Islam, ilmu asas yang paling utama ialah ilmu akidah. Hal ini kerana ilmu akidah yang dipelajari dapat membawa kepada kefahaman dan penghayatan yang mendalam tentang Islam.²⁵ Pemantapan akidah dalam aspek pemeraksanaan mualaf adalah amat sejajar dengan pengajaran Islam yang sangat mementingkan kefahaman bagi menghasilkan mualaf yang berakhlak mulia kerana ia merupakan salah satu aspek penting yang perlu dibangunkan dalam usaha membangunkan mualaf secara holistik.²⁶ Kesan daripada akidah yang sejahtera dapat membawa seorang Muslim kepada amal ibadah yang sah dan mempunyai akhlak yang mantap.²⁷

Perkara ini menunjukkan bahawa kelas bimbingan yang dihadiri oleh mualaf untuk mempelajari ilmu agama Islam yang meliputi akidah, ibadah dan akhlak perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bagi melahirkan mualaf yang dapat memahami dan menghayati kefahaman asas Islam secara menyeluruh. Di samping itu juga, ilmu sirah turut diajarkan kepada mualaf kerana dengan mempelajari sirah, mualaf akan berasa lebih dekat dengan kisah-kisah para sahabat yang turut memeluk Islam dan meninggalkan agama nenek moyang mereka.²⁸ Manakala, ilmu membaca al-Quran juga perlu diajarkan kepada mualaf kerana ia merupakan tanggungjawab seorang Muslim.²⁹

Kelas bimbingan untuk golongan mualaf juga merupakan langkah pertama bagi seorang untuk mendalami ilmu Islam selepas mengucapkan kalimah syahadah. Kelas bimbingan untuk golongan mualaf seperti kelas asas fardu ain dapat memberikan kepuasan dalam memahami ajaran Islam terutama bagi yang telah

²⁵ Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid dan Misnan Jemali, "Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM," *Jurnal Perspektif* 1 (2017), 91.

²⁶ Safiah Abd Razak, Che Zarina Sa'ari dan Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, "Adab Solat dan Puasa Serta Hubungannya dengan Pembangunan Rohani Insan: Analisis Pemikiran al-Sarraj (M.378 H) dalam Karya al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami," *Jurnal al-Basirah* 9.1 (2019), 26.

²⁷ Safiah, Che Zarina dan Syed Mohammad Hilmi, "Adab Solat dan Puasa Serta Hubungannya dengan Pembangunan Rohani Insan," 99.

²⁸ Muhammad Falah Wikrama dan Ferianto, "Meneladani Kisah Seorang Muadzbin Pertama, Bilal Bin Rabbah," *Jurnal Wahana Karya Ilmiah Pendidikan* 6.2 (2022), 9.

²⁹ Muhammad Husain Isa Ali Manshur, *Syarah 10 Muwashafat: Penjelasan Lengkap 10 Karakter Muslim Tangguh*, trans. Faridi dan Syaqui Hafizh (Solo: PT Era Adicitra Intermedia, 2018), 79.

mempelajari agama sebelum menjadi Muslim.³⁰ Dalam satu kajian mengenai kelas fardu ain di Melaka, didapati merupakan aktiviti yang mendapat penyertaan yang sangat tinggi bagi golongan mualaf selepas memeluk Islam.³¹ Hasil kajian Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid dan Misnan Jemali dalam kajian *Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM* mendapati bahawa kelas bimbingan mualaf yang menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang tepat dan sesuai dengan latar belakang mualaf dapat membantu memberikan kefahaman yang baik kepada mualaf.³²

Melalui kelas bimbingan untuk golongan mualaf yang dilaksanakan oleh mana-mana badan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan juga dapat membantu, membimbing dan mengajar asas kefahaman Islam untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, usaha memperkukuh kefahaman dan pengamalan asas Islam dalam kalangan mualaf memerlukan penyediaan serta pengurusan kelas bimbingan yang kondusif dan berkesan agar dapat mendalami ajaran Islam dengan lebih baik.³³

Menyedari kepentingan kelas bimbingan untuk golongan mualaf dalam pemeraksanaan kefahaman dan pengamalan asas Islam mualaf, Taufiq Yap Yun Hin menyatakan bahawa pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memperuntukkan bajet tahunan yang besar untuk membantu aspek pembangunan insan dan pendidikan.³⁴ Oleh yang demikian, seiring dengan peningkatan jumlah peserta kelas bimbingan dan peruntukan bagi program pemeraksanaan mualaf, pelaksanaannya diharapkan dapat disusun dengan lebih terancang dan sistematik bagi memperkukuh pembangunan diri secara holistik, khususnya dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak.

³⁰ Mohd Zin et al., "Perspective on Fundamentals of Fardhu Ain Among Muslim Converts," *Advances in Natural and Applied Sciences* 5.5 (2011), 456.

³¹ Mohd Azmi Mat Shah dan Maimunah Ismail, "Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka," *Pertanika Journal* 11.1 (2003), 87.

³² Ahmad Yunus, Samsuddin dan Misnan, "Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf," 99.

³³ Nur Shuhadah Abdul Rahin, Suhaila Abdullah dan Nur Izzaty Mohamad, "Pengurusan Pengajian Islam Terhadap Mualaf," *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7.1 (2024), 226.

³⁴ Taufiq Yap Yun Hin, "Hala Tuju Pendidikan Tinggi Muallaf di Malaysia: Isu dan Cabaran" (Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Sabah 24-28 Ogos 2021), 6.

Tahap Kefahaman Asas Islam Mualaf di Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang

Demografi

Secara demografi, seramai 118 orang mualaf yang menghadiri Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang telah terlibat sebagai sampel tinjauan. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan mudah berdasarkan kehadiran mualaf semasa borang soal selidik diedarkan. Responden terdiri daripada 37 orang lelaki dan 81 orang perempuan. Daripada jumlah tersebut, responden yang berada dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas adalah yang paling ramai melibatkan diri dalam tinjauan ini. Manakala, responden yang berumur 30-40 tahun seramai 42 orang dan responden yang berumur 18-29 tahun pula seramai 21 orang. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dan umur bagi tinjauan ini.

Jadual 1: Jantina dan umur reponden

Bil	Perkara	Frekuensi	Peratus
1	Jantina		
	Lelaki	37	31.4%
	Perempuan	81	68.6%
2	Umur		
	18 – 29	21	17.8%
	30 – 40	42	35.6%
	40 ke atas	55	46.6%

Penglibatan responden juga dilihat daripada perspektif latar belakang seperti status kewarganegaraan, bangsa, status perkahwinan, tahap pendidikan, sektor pekerjaan, tempoh memeluk Islam dan sebab memeluk Islam. Hasil dapatan mendapati majoriti responden merupakan warganegara Malaysia iaitu sebanyak 93.2% (110). Manakala, 4.2% iaitu 5 responden bukan warganegara dan 2.5% iaitu 3 daripadanya ialah penduduk tetap. Hasil mendapati bahawa bilangan bangsa paling ramai yang terlibat dalam tinjauan ini ialah Cina iaitu 28.8% iaitu 34, kedua ramai ialah dari etnik Sabah iaitu 24.6% iaitu 29, dan diikuti oleh

etnik Sarawak 19.5% sebanyak 23, India 15.3% sebanyak 18 dan lain-lain 11.9% seramai 14.

Berdasarkan tahap pendidikan responden, majoriti 40.7% iaitu seramai 48 belajar sehingga SPM/MCE, seramai 22.9% iaitu 27 responden belajar sehingga Sarjana Muda, 17.8% iaitu 21 belajar sehingga Diploma/STPM, 11.9% iaitu 14 tiada kelulusan, 4.2% sebanyak 5 belajar sehingga PMR/SRP dan 2.5% seramai 3 responden belajar sehingga PhD atau Sarjana. Berdasarkan juga, majoriti 43.2% iaitu 51 responden telah memeluk Islam melebihi 20 tahun, diikuti 33.1% seramai 39 responden yang telah memeluk Islam dalam tempoh 6 bulan hingga 9 tahun dan 23.7% iaitu 28 responden yang telah memeluk Islam dalam tempoh 10-19 tahun. Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut latar belakang.

Jadual 2: Latar Belakang Responden

Bil	Perkara	Frekuensi	Peratus
1	Kewarganegaraan		
	Warganegara	110	93.2%
	Bukan warganegara	5	4.2%
	Penduduk tetap	3	2.5%
2	Bangsa		
	Cina	34	28.8%
	India	18	15.3%
	Etnik Sarawak	23	19.5%
	Etnik Sabah	29	24.6%
	Lain-lain	14	11.9%
3	Tahap pendidikan		
	Doktor Falsafah/Sarjana	3	2.5%
	Sarjana Muda	27	22.9%
	Diploma/STPM	21	17.8%
	SPM/MCE	48	40.7%
	PMR/SRP	5	4.2%
	Tiada kelulusan	14	11.9%
4	Tempoh memeluk Islam		
	6 bulan – 9 tahun	39	33.1%

	10-19 tahun	28	23.7%
	20 tahun ke atas	51	43.2%
5	Sebab memeluk Islam		
	Sebab berkahwin	43	36.4%
	Mudah mendapat bantuan	1	0.8%
	Hasil kajian	2	1.7%
	Pengaruh kawan	2	1.7%
	Mencari kebenaran	26	22%
	Lain-lain	44	37.3%

Kefahaman Akidah

Akidah merupakan asas kepada syariat Islam. Maka, akidah ialah ilmu yang penting untuk dipelajari dan difahami oleh setiap Muslim.³⁵ Oleh itu, di Hidayah Centre Foundation Lembah Klang, mualaf telah diajarkan ilmu akidah dalam Kelas Bimbingan Mualaf dari peringkat asas hingga ke peringkat lanjutan. Tinjauan ini mengajukan 10 soalan kepada mualaf selaku responden bagi menilai tahap kefahaman akidah. 10 soalan yang ditanya kepada mualaf adalah berdasarkan konsep enam rukun Iman. Hasil mengenai tahap kefahaman akidah mualaf telah dihuraikan dalam jadual 3.

Jadual 3 Soalan Kefahaman Akidah Mualaf

Bil	Soalan	Betul	Salah	Min	Sisihan piawai
1	Hanya Allah SWT Tuhan yang layak disembah.	117 (99.2%)	1 (0.8%)	1.98	0.184
2	Seorang Muslim hanya dibenarkan berdoa kepada Allah SWT.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316
3	Ajaran Nabi Muhammad wajib diikuti oleh setiap Muslim.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316
4	Nabi Isa merupakan nabi yang terakhir.	94 (79.7%)	24 (20.3%)	1.59	0.808
5	Percaya kepada kewujudan malaikat	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316
6	Al-Quran ialah kitab Allah yang sesuai pada semua zaman dan pedoman kepada manusia.	112 (94.9%)	6 (5.1%)	1.90	0.441

³⁵ Al-Sayyid Sabiq, *Al- 'Aqidah al-Islamiyyah* (Beirut: Dar al-Kitab al- 'Arabi, 1985), 7.

7	Kehidupan yang kekal abadi bermula selepas hari kiamat.	113 (95.8%)	5 (4.2%)	1.92	0.405
8	Setiap manusia akan dihisab mengikut amalannya	113 (95.8%)	5 (4.2%)	1.92	0.405
9	Setiap perkara yang berlaku mengikut kehendak manusia.	93 (78.8%)	25 (21.2%)	1.58	0.821
10	Tidak perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki.	114 (96.6%)	4 (3.4%)	1.93	0.383

Dalam Jadual 3, analisis terperinci bagi soalan kefahaman akidah menunjukkan dapatan berikut: Bagi soalan 1, “Hanya Allah SWT Tuhan yang layak disembah,” majoriti responden, iaitu 99.2% seramai 117 menjawab jawapan yang betul, manakala hanya 0.8% iaitu seorang menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa hampir semua responden memahami konsep tauhid dengan tepat, seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.98. Ini membuktikan bahawa majoriti muallaf telah memahami bahawa hanya Allah SWT sahaja Tuhan yang berhak disembah.

Bagi soalan 2, “Seorang Muslim hanya dibenarkan berdoa kepada Allah SWT,” majoriti responden 97.5% iaitu 115 menjawab dengan jawapan yang tepat, manakala seramai 2.5% iaitu tiga sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa majoriti muallaf yang menjadi responden tinjauan memahami dengan jelas bahawa hanya kepada Allah SWT sahaja tempat orang Islam berdoa untuk memohon pertolongan dan memohon segala hajat. Pemahaman ini turut disokong oleh nilai min = 1.95 daripada data yang dianalisis. Kedua-dua soalan ini merupakan elemen yang sangat penting dalam menilai kefahaman responden terhadap rukun Iman yang pertama, iaitu beriman kepada Allah SWT. Kefahaman mengenai Allah SWT sebagai Tuhan yang satu dan esa telah diberi penekanan yang sewajarnya di peringkat Kelas *Non-Muslim New Revert (NMNR)* agar keyakinan dan kefahaman muallaf selari dengan lafaz dua kalimah syahadah yang dilafazkan semasa memeluk Islam.

Seterusnya, bagi soalan 3, iaitu “Ajaran Nabi Muhammad wajib diikuti oleh setiap Muslim,” majoriti 97.5% iaitu 115 responden menjawab dengan jawapan yang betul, manakala 2.5% iaitu tiga menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan

bahawa majoriti responden telah menjawab soalan ini dengan tepat, seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.95. Manakala, bagi soalan 4, iaitu “Nabi Isa merupakan nabi yang terakhir,” majoriti 79.7% iaitu 94 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala, seramai 20.3% iaitu 24 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Walaupun majoriti responden menjawab dengan tepat, seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.59, masih terdapat responden yang mencerminkan kekeliruan dalam memahami kedudukan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul terakhir. Melalui soalan 3 dan 4, dapat dilihat kefahaman muallaf terhadap rukun beriman kepada rasul. Soalan ini dikemukakan untuk memastikan para muallaf, terutama yang datang daripada latar belakang agama Kristian, jelas dan memahami bahawa Nabi Muhammad SAW adalah nabi dan rasul yang terakhir selepas Nabi Isa AS, serta menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai suri teladan yang wajib diikuti oleh semua umat Islam.

Bagi soalan 5, iaitu “Percaya kepada kewujudan malaikat,” majoriti 97.5% iaitu 115 responden menjawab dengan jawapan yang betul, manakala baki 2.5% iaitu tiga responden menjawab dengan jawapan yang salah. Berdasarkan data ini, majoriti 97.5% responden memberikan jawapan yang tepat, seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.95. Dapatan ini menggambarkan bahawa majoriti muallaf mempunyai keyakinan terhadap kewujudan malaikat sebagai makhluk ciptaan Allah SWT. Soalan ini diajukan untuk menilai kefahaman asas muallaf mengenai rukun beriman kepada malaikat.

Seterusnya, bagi soalan 6, iaitu “Al-Quran ialah kitab Allah SWT yang sesuai pada semua zaman dan pedoman kepada manusia,” seramai 94.9% iaitu 112 responden memberikan jawapan yang betul, manakala 5.1% iaitu enam responden memberikan jawapan yang salah. Nilai min = 1.90 turut mengukuhkan dapatan bahawa majoriti responden memahami pernyataan tersebut dengan baik. Keputusan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memiliki kefahaman yang jelas tentang rukun iman kepada kitab, khususnya keyakinan bahawa al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang sentiasa relevan dan berfungsi sebagai panduan hidup sepanjang zaman.

Bagi soalan 7, iaitu “Kehidupan yang kekal abadi bermula selepas hari kiamat” dan soalan 8 “Setiap manusia akan dihisab mengikut amalannya,” sebanyak 95.8% iaitu 113 responden memberikan jawapan yang betul, manakala 4.2% iaitu lima menjawab dengan jawapan yang salah. Nilai min = 1.92 turut menunjukkan kecenderungan tinggi responden dalam memahami kedua-dua pernyataan tersebut. Dapatan ini menggambarkan keyakinan majoriti mualaf terhadap kewujudkan kehidupan kekal selepas kematian, sama ada di syurga atau di neraka, serta kefahaman bahawa setiap amalan manusia akan dihisab oleh Allah SWT pada hari kiamat. Kedua-dua soalan ini dikemukakan bagi menilai tahap kefahaman mualaf terhadap rukun iman kepada hari kiamat. Berdasarkan peratusan, kekerapan dan skor min yang sama bagi kedua-dua soalan tersebut, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhan mualaf mempunyai pemahaman yang baik berkaitan konsep hari akhirat. Namun demikian, kewujudan segelintir responden yang menjawab secara tidak tepat menunjukkan masih terdapat kekeliruan atau ketidakjelasan mengenai proses hari kiamat sebagai medan penilaian amalan manusia sebelum mereka ditempatkan dalam kehidupan yang kekal abadi sama ada di syurga atau di neraka.

Berdasarkan soalan 9, “Setiap perkara yang berlaku mengikut kehendak manusia,” sebanyak 78.8% (93) responden menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala seramai 21.2% iaitu 25 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf memahami bahawa segala ketentuan yang berlaku mengikut kehendak Allah SWT dan bukan sepenuhnya bergantung kepada kehendak manusia. Nilai min = 1.58 turut mengukuhkan kenyataan ini.

Seterusnya, dalam soalan 10 yang menyatakan “Tidak perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki,” seramai 96.6% iaitu 114 responden menjawab dengan jawapan yang betul, manakala hanya 3.4% iaitu empat responden sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Nilai min = 1.93 menyokong kecenderungan responden untuk memahami bahawa usaha tetap menjadi tuntutan ke atas setiap manusia walaupun rezeki merupakan ketetapan Allah SWT.

Kedua-dua soalan ini dikemukakan untuk menilai kefahaman mualaf terhadap rukun beriman dengan qadak dan qadar. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti mualaf memiliki pemahaman yang baik tentang konsep ketentuan dan usaha dalam kehidupan. Namun begitu, terdapat segelintir mualaf yang menjawab dengan tidak tepat menunjukkan wujudnya kekeliruan dalam memahami aspek tertentu berkenaan qadak dan qadar. Ini menandakan wujud keperluan untuk penjelasan dan pengukuhan kefahaman dalam kalangan mualaf. Secara keseluruhan, 10 soalan kefahaman asas akidah yang dikemukakan untuk mualaf menunjukkan bahawa majoriti mualaf memiliki kefahaman asas akidah yang baik, terutama dalam kesemua aspek enam rukun Iman.

Tahap Kefahaman Ibadah Mualaf

Setiap Muslim wajib melakukan ibadah kepada Allah SWT. Hal ini kerana, ibadah merupakan manifestasi ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Oleh itu, mualaf perlu mempelajari dan memahami ibadah yang diwajibkan ke atas setiap Muslim agar menjadi hamba yang disayangi, dikasihi dan diberkati oleh Allah SWT.³⁶ Oleh itu, di Hidayah Centre Foundation Lembah Klang, mualaf telah diajarkan tentang ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap Muslim dalam Kelas Bimbingan Mualaf dari peringkat asas hingga ke peringkat lanjutan. Tinjauan ini telah mengemukakan 10 soalan kepada mualaf selaku responden untuk menilai tahap kefahaman ibadah. 10 soalan yang ditanya kepada mualaf adalah berdasarkan konsep rukun Islam. Hasil mengenai tahap kefahaman ibadah mualaf telah dihuraikan dalam jadual 4.

Jadual 4: Soalan Kefahaman Ibadah Mualaf

Bil	Soalan	Betul	Salah	Min	Sisihan piawai
1	Setiap amalan dimulakan dengan niat kerana Allah SWT.	116 (98.3%)	2 (1.7%)	1.97	0.259
2	Meninggalkan solat lima waktu tanpa sebab yang	113 (95.8%)	5 (4.2%)	1.92	0.405

³⁶ Said Agil Husin Al Munawar Syahril dan Alwizar, "Pendidikan Ibadah dalam Perspektif al-Quran," *Jurnal An-Nur* 11.1 (2022), 51-60.

	kukuh adalah satu dosa besar.				
3	Membantu fakir miskin diwajibkan dalam Islam (zakat).	111 (94.1%)	7 (5.9%)	1.88	0.474
4	Puasa diwajibkan pada bulan Syawal.	69 (58.5%)	49 (41.5%)	1.17	0.990
5	Menunaikan haji adalah wajib walaupun miskin dan sakit tenat.	99 (83.9%)	19 (16.1%)	1.68	0.738
6	Menutup aurat adalah syarat sah solat.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316
7	Membaca al-Quran akan mendapat pahala.	116 (98.3%)	2 (1.7%)	1.97	0.259
8	Tidak perlu berwuduk sebelum solat.	116 (98.3%)	2 (1.7%)	1.97	0.259
9	Solat tidak sah tanpa menghadap kiblat.	98 (83.1%)	20 (16.9%)	1.66	0.754
10	Membaca al-Fatihah dalam solat adalah wajib.	117 (99.2%)	1 (0.8%)	1.98	0.184

Dalam Jadual 4, analisis terperinci bagi soalan kefahaman ibadah menunjukkan hasil berikut: Dalam soalan 1, “Setiap amalan dimulakan dengan niat kerana Allah SWT,” didapati bahawa majoriti responden 98.3% iaitu 116 menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala, hanya 1.7% iaitu dua responden menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami konsep setiap perbuatan yang diniatkan kerana Allah SWT merupakan satu ibadah, dan dibuktikan oleh nilai min = 1.97. Walau bagaimanapun, responden yang memberikan jawapan yang salah perlu diberi perhatian kerana niat merupakan perkara rukun dalam semua ibadah dan penyebab kepada sah sesuatu ibadah.

Bagi soalan 2, “Meninggalkan solat lima waktu tanpa sebab yang kukuh adalah satu dosa besar,” majoriti 95.8% iaitu 113 responden menjawab dengan jawapan yang betul dan terdapat 4.2% iaitu lima responden sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf yang menjadi responden mempunyai kefahaman yang jelas mengenai kewajipan menunaikan solat fardu dan mengetahui

bahawa ia tidak boleh ditinggalkan tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak. Pemahaman ini disokong oleh nilai min = 1.92. Namun begitu, terdapat segelintir responden yang menjawab salah perlu diberikan perhatian kerana ibadah solat lima waktu merupakan kewajipan bagi setiap Muslim yang memenuhi syarat. Responden yang menjawab salah ini dijangkakan masih kurang jelas mengenai kewajipan solat serta konsep dosa kecil dan besar.

Seterusnya, bagi soalan 3, iaitu “Membantu fakir miskin diwajibkan dalam Islam (zakat),” majoriti 94.1% iaitu 111 responden memberikan jawapan yang betul, manakala 5.9% iaitu tujuh responden memberikan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar muallaf memahami kewajipan menunaikan zakat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam, dan disokong oleh nilai min = 1.88. Walau bagaimanapun, responden yang memberikan jawapan yang salah berkemungkinan masih kurang memahami konsep dan pelaksanaan zakat yang dituntut dalam Islam untuk membantu lapan golongan penerima zakat.

Manakala bagi soalan 4, iaitu “Puasa diwajibkan pada bulan Syawal,” majoriti 58.5% iaitu 69 responden menjawab dengan jawapan yang betul dan seramai 41.5% iaitu 49 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Namun begitu, peratus responden yang memberikan jawapan yang salah pula hampir mencapai separuh daripada keseluruhan peserta. Hal ini turut disokong oleh nilai min = 1.17 yang menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap soalan ini berada pada tahap yang sederhana. Kekeliruan ini berkemungkinan berpunca daripada persamaan istilah ‘Ramadan’ dan ‘Syawal’ yang merupakan istilah Arab dalam kalendar Islam. Muallaf kurang pendedahan mengenai istilah Arab terutama berkaitan dengan nama bulan-bulan Islam. Oleh itu, penekanan khusus terhadap pemahaman asas kalendar Islam perlu dilaksanakan oleh pihak Hidayah Centre Foundation kepada muallaf dalam Kelas Bimbingan Muallaf. Hal ini kerana, kalendar Islam bukan sahaja berkait dengan ibadah puasa semata-mata, malah melibatkan ibadah lain seperti pelaksanaan haji, korban dan zakat fitrah.

Dalam soalan 5, iaitu “Menunaikan haji adalah wajib walaupun miskin dan sakit tenant,” majoriti 83.9% iaitu 99 responden memberikan jawapan yang betul dan 16.1% iaitu 19 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bahawa kewajipan haji hanya tertakluk kepada individu yang berkemampuan dari sudut harta dan tenaga seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.68. Walau bagaimanapun, peratus responden yang memberikan jawapan yang salah dalam soalan ini menunjukkan bahawa masih wujud kekeliruan dalam kalangan muallaf mengenai konsep berkemampuan dalam ibadah haji. Pihak Hidayah Centre Foundation Lembah Klang boleh memberikan penjelasan maksud berkemampuan dalam melaksanakan ibadah haji kepada muallaf agar muallaf faham bahawa segala ibadah yang Allah SWT telah wajibkan kepada semua hamba-Nya adalah mengikut kemampuan hamba-Nya. Allah SWT tidak akan sekali-kali membebankan hamba-Nya dengan sesuatu yang di luar batas kemampuan.

Seterusnya, dalam soalan 16, iaitu “Menutup aurat adalah syarat sah solat,” seramai 97.5% iaitu 115 responden memberikan jawapan yang betul, manakala 2.5% iaitu tiga responden memberikan jawapan yang salah. Peratusan yang tinggi ini disokong oleh nilai min = 1.95. Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir kesemua responden memahami kewajipan menutup aurat yang merupakan syarat asas yang dipenuhi sebelum menunaikan solat. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir responden yang perlu dibimbing mengenai kewajipan menutup aurat sebelum solat kerana solat seseorang Muslim tidak dianggap sah sekiranya auratnya tidak ditutup dengan sempurna.

Bagi soalan 7, iaitu “Membaca al-Quran akan mendapat pahala,” majoriti 98.3% iaitu 116 responden memberikan jawapan yang betul, manakala 1.7% iaitu dua responden memberikan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir semua muallaf menyedari bahawa membaca al-Quran merupakan satu bentuk ibadah yang mendatangkan ganjaran pahala kepada pembacanya. Keputusan ini turut disokong oleh nilai min = 1.97. Namun begitu, jawapan yang salah oleh segelintir muallaf perlu diberi perhatian. Pihak Hidayah Centre Foundation perlu menilai semula kefahaman asas mereka mengenai konsep ganjaran pahala

dalam Islam. Kemungkinan besar, kekeliruaan yang berlaku adalah disebabkan latar belakang pendidikan agama mualaf yang berbeza atau tidak mengetahui bahawa semua amalan yang baik dilakukan oleh setiap Muslim akan mendapat ganjaran pahala.

Seterusnya bagi soalan 18, iaitu “Tidak perlu berwuduk sebelum solat,” majoriti 98.3% iaitu 116 responden memberikan jawapan yang betul. Hanya 1.7% iaitu dua responden sahaja yang memberikan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami kewajipan berwuduk yang merupakan salah satu syarat sah solat seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.97. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir responden yang memberikan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa tidak semua mualaf memahami kewajipan berwuduk sebagai syarat sah menunaikan solat. Oleh kerana ibadah wuduk berkait rapat dengan ibadah solat, pihak Hidayah Centre Foundation perlu mengenal pasti mualaf yang masih belum memahami kewajipan wuduk supaya mereka dapat melaksanakan ibadah solat dengan sempurna selepas ini.

Berdasarkan soalan 9, “Solat tidak sah tanpa menghadap kiblat,” seramai 83.1% iaitu 98 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Sementara 16.9% iaitu 20 menjawab dengan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bahawa menghadap kiblat merupakan syarat sah solat yang mesti dipenuhi. Kenyataan ini turut disokong oleh nilai min = 1.66. Namun begitu, peratusan responden yang memberikan jawapan yang salah menunjukkan adanya segelintir mualaf yang masih keliru mengenai syarat sah solat terutamanya berkenaan aspek teknikal seperti arah kiblat. Seterusnya, dalam soalan 10 yang menyatakan “Membaca al-Fatihah dalam solat adalah wajib,” hampir kesemua 99.2% iaitu 117 responden memberikan jawapan yang betul dan hanya 0.8% iaitu seorang responden sahaja yang memberikan jawapan yang salah. Dengan ini, majoriti responden menunjukkan pemahaman yang tepat mengenai perkara ini dengan sokongan nilai min = 1.98. Walau bagaimanapun, seorang responden yang memberikan jawapan yang salah menunjukkan bahawa masih terdapat sebahagian kecil mualaf yang tidak tahu bahawa surah al-Fatihah merupakan rukun solat yang tidak boleh ditinggalkan semasa menunaikan solat.

Secara keseluruhan, 10 soalan kefahaman asas ibadah yang dikemukakan kepada mualaf yang telah dianalisis ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf mempunyai tahap kefahaman ibadah yang tinggi. Majoriti mualaf yang menjadi responden kajian ini memahami kepentingan niat, solat, puasa, zakat, serta syarat sah solat seperti menutup aurat, mengambil wuduk dan membaca al-Fatihah dalam solat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu diberikan penekanan khusus kepada perkara yang menjadi kekeliruan mualaf seperti pengenalan bulan Islam dalam kalendar Hijrah. Selain itu, responden yang memberikan jawapan yang salah bagi soalan-soalan berkaitan ibadah perlu dikenal pasti dan diberi perhatian khusus terhadap tahap kefahaman mereka kerana aspek ibadah merupakan teras utama dalam ajaran Islam.

Tahap Kefahaman Akhlak Mualaf

Setiap Muslim dituntut untuk menghiasi diri dan peribadi dengan akhlak yang terpuji. Akhlak yang mulia juga merupakan cerminan keimanan dan kesempurnaan ibadah seseorang. Akhlak yang mulia menghasilkan individu dan masyarakat yang harmoni bertepatan dengan tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah atas muka bumi ini dan membawa kesejahteraan hidup.³⁷ Oleh itu, di Hidayah Centre Foundation Lembah Klang, mualaf telah diajarkan tentang akhlak terpuji menurut al-Quran dan al-Sunnah dalam Kelas Bimbingan Mualaf dari peringkat asas hingga ke peringkat lanjutan. Tinjauan ini telah mengajukan 10 soalan kepada mualaf selaku responden untuk menilai tahap kefahaman akhlak. Hasil mengenai tahap kefahaman akhlak mualaf telah dihuraikan dalam jadual 5.

Jadual 5: Soalan Kefahaman Akhlak Mualaf

Bil	Soalan	Betul	Salah	Min	Sisihan piawai
1	Berbuat baik kepada ahli keluarga yang bukan Muslim.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316

³⁷ Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhamad Shukri dan Mohd Abbas Abdul Razak, "Peranan Akhlak dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21.1 (2020), 38-54.

2	Selalu bersangka baik dengan orang lain.	112 (94.9%)	6 (5.1%)	1.90	0.441
3	Menutup kelemahan (aib) orang lain.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316
4	Berdendam dengan orang lain.	116 (98.3%)	2 (1.7%)	1.97	0.259
5	Sabar menghadapi ujian.	117 (99.2%)	1 (0.8%)	1.98	0.184
6	Sombong dengan orang lain.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316
7	Bekerja dengan bersungguh-sungguh.	117 (99.2%)	1 (0.8%)	1.98	0.184
8	Tidak bercakap buruk tentang orang lain.	113 (95.8%)	5 (4.2%)	1.92	0.405
9	Amanah dan jujur dalam semua urusan,	116 (98.3%)	2 (1.7%)	1.97	0.259
10	Bercakap dengan kasar.	115 (97.5%)	3 (2.5%)	1.95	0.316

Dalam Jadual 5, analisis terperinci bagi soalan kefahaman akhlak menunjukkan dapatan berikut: Bagi soalan 1, “Berbuat baik kepada ahli keluarga yang bukan Muslim,” majoriti responden 97.5% iaitu 115 menjawab jawapan yang betul, manakala hanya 2.5% iaitu tiga sahaja menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memiliki kefahaman yang selari dengan prinsip Islam yang menekankan nilai ihsan dan pemeliharaan hubungan kekeluargaan merentas perbezaan agama. Kenyataan ini disokong oleh nilai min = 1.95. Namun begitu, kewujudan sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan yang tidak tepat menandakan perlu diadakan pemantapan kefahaman mengenai batasan interaksi dan hubungan dengan ahli keluarga bukan Muslim.

Bagi soalan 2, “Selalu bersangka baik dengan orang lain,” majoriti 94.9% iaitu 112 menjawab dengan jawapan yang betul dan 5.1% iaitu enam responden sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf memahami konsep bersangka baik sebagai salah satu elemen penting dalam pembentukan akhlak Islam. Kenyataan ini disokong oleh nilai min = 1.90. Walau bagaimanapun, kewujudan

sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan yang salah menunjukkan masih terdapat kekeliruan dalam kalangan responden bagi memahami aplikasi praktikal konsep bersangka baik.

Seterusnya, bagi soalan 3, iaitu “Menutup kelemahan (aib) orang lain,” majoriti 97.5% iaitu 115 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Hanya 2.5% iaitu tiga responden sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti muallaf memahami tanggungjawab sebagai seorang Muslim untuk tidak mendedahkan aib individu lain serta menutup aib mereka. Kenyataan ini disokong oleh nilai min = 1.95. Menutup aib individu lain merupakan salah satu akhlak Islam yang sangat penting untuk diterapkan dalam diri setiap Muslim. Hal ini kerana, penghayatan akhlak dalam menutup aib individu lain berperanan sebagai asas kepada pembentukan hubungan masyarakat yang stabil, harmoni dan berteraskan sikap saling menghormati antara satu sama lain.

Manakala bagi soalan 4, iaitu “berdendam dengan orang lain,” majoriti 98.3% iaitu 116 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala, hanya 1.7% iaitu dua sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti muallaf faham sifat berdendam merupakan sifat yang negatif dan wajar untuk dihindari dalam kehidupan seharian. Keputusan ini disokong dengan nilai min = 1.97. Dapatan ini juga membuktikan bahawa responden telah memahami konsep pemaaf, pengendalian emosi dan keharmonian sosial dalam Islam dengan cara tidak menyimpan dendam kepada sesiapa.

Bagi soalan 5, iaitu “Sabar menghadapi ujian,” hampir semua 99.2% iaitu 117 responden menjawab dengan jawapan yang betul dan hanya 0.8% iaitu seorang responden sahaja menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan muallaf memahami sifat sabar merupakan salah satu ciri utama dalam pembentukan akhlak seorang Muslim. Hal ini kerana, setiap manusia akan diuji oleh Allah SWT di dunia ini. Dengan memahami konsep sabar dalam menghadapi pelbagai ujian ini ianya dapat menjadi kekuatan kepada muallaf agar terus berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Kenyataan ini disokong oleh nilai min = 1.98.

Seterusnya, bagi soalan 6, iaitu “Sombong dengan orang lain,” seramai 97.5% iaitu 115 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala, baki 2.5% iaitu tiga responden lagi menjawab dengan jawapan yang salah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memahami bahawa sifat sombong merupakan sifat yang negatif dan perlu dielakkan dalam kehidupan dan disokong oleh nilai min = 1.95. Hal ini kerana kedudukan setiap manusia adalah sama di sisi Allah SWT dan yang membezakan kedudukan tersebut adalah amal soleh dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Bagi soalan 7, iaitu “Bekerja dengan bersungguh-sungguh,” hampir semua 99.2% iaitu 117 responden memberikan jawapan yang betul dan hanya 0.8% seorang responden yang memberikan jawapan yang salah. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti muallaf sebagai responden kajian memahami bahawa setiap manusia terutama sebagai seorang Muslim perlu bekerja dengan bersungguh-sungguh atas muka bumi Allah SWT mengikut peranan dan tugas masing-masing yang telah diamanahkan. Keputusan ini turut disokong oleh nilai min = 1.98.

Manakala bagi soalan 8, iaitu “Tidak bercakap buruk tentang orang lain,” majoriti 95.8% iaitu 113 responden menjawab dengan jawapan yang betul dan 4.2% iaitu empat responden menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bahawa perbuatan mengumpat merupakan perbuatan yang tercela dan perlu dielakkan daripada melakukannya kerana ia boleh menjejaskan hubungan interpersonal dan memutuskan hubungan silaturahim sesama manusia. Kenyataan ini disokong oleh nilai min = 1.92.

Bagi soalan 9, “Amanah dan jujur dalam semua urusan,” majoriti 98.3% iaitu 116 responden memberikan jawapan yang betul. Hanya 1.7% iaitu dua responden yang memberikan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bahawa sifat amanah dan jujur merupakan prinsip utama dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim, terutamanya dalam setiap urusan peribadi, sosial dan profesional. Ini dibuktikan dengan nilai min = 1.97. Dalam konteks pendidikan, nilai ini sering ditekankan melalui kelas bimbingan agar setiap peserta jelas mengenai matlamat dan niat

mereka menghadiri kelas bimbingan. Disamping itu juga, para peserta dapat mengaplikasikan nilai tersebut dalam kehidupan secara berterusan.

Seterusnya, bagi soalan 10 yang menyatakan “Bercakap dengan kasar,” seramai 97.5% iaitu 115 responden menjawab dengan jawapan yang betul dan hanya 2.5% iaitu tiga responden yang menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bahawa bercakap dengan kasar merupakan sikap negatif dan bertentangan dengan nilai Islam. Kenyataan ini disokong oleh nilai min = 1.95. Sebagai seorang Muslim, bertutur dengan lemah lembut merupakan sifat yang menjadi tuntutan agama. Oleh itu, bercakap dengan kasar adalah sifat yang perlu dijauhi dan bukan sifat yang perlu dicontohi serta diamalkan dalam kehidupan.

Kesimpulan daripada 10 soalan kefahaman asas akhlak yang dikemukakan untuk muallaf, dapatan menunjukkan bahawa majoriti muallaf memiliki pemahaman yang kukuh mengenai nilai akhlak Islam. Hampir kesemua responden memahami kepentingan berbuat baik kepada keluarga bukan Muslim, berbaik sangka dengan orang lain, menutup aib orang lain, pemaaf, sabar, rendah hati, bekerja dengan bersungguh-sungguh, tidak bercakap buruk tentang orang lain, amanah dan jujur serta bercakap dengan lemah lembut. Nilai min bagi setiap soalan juga konsisten berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa muallaf yang mengikuti kelas bimbingan muallaf mempunyai tahap kefahaman akhlak yang mantap. Secara tidak langsung, ia turut mencerminkan keberkesanan Kelas Bimbingan Muallaf oleh Hidayah Centre Foundation di Lembah Klang dalam membentuk peribadi Muslim dan penghayatan akhlak Islam yang baik dalam kalangan muallaf. Walaupun terdapat sebahagian kecil responden yang memberikan jawapan yang tidak tepat, hal ini menunjukkan bahawa terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak Hidayah Centre Foundation bagi memastikan kesemua peserta dapat memahami dan mengamalkan nilai akhlak Islam dalam kehidupan.

Tahap Kefahaman Sirah Mualaf

Pengetahuan dan kefahaman mengenai sirah Nabi Muhammad SAW merupakan ilmu yang perlu dipelajari oleh setiap Muslim. Beriman kepada rasul yang merupakan salah satu daripada rukun Iman menuntut setiap Muslim bukan sekadar mempercayai kewujudan rasul-rasul sahaja, tetapi setiap Muslim dituntut untuk mencintai dan mencontohi para rasul utusan Allah SWT. Nabi Muhammad SAW sebagai rasul dan utusan Allah SWT yang terakhir merupakan seorang rasul yang membawa syariat Islam yang syumul. Tidak akan sesat seseorang Muslim yang berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah Baginda. Oleh itu, setiap Muslim mestilah mempelajari dan mengetahui sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW bagi melahirkan perasaan cinta kepada Baginda dan menjadikan baginda sebagai *qudwah hasanah* yang perlu dicontohi.³⁸ Justeru, Hidayah Centre Foundation Lembah Klang memasukkan silibus sirah ke dalam Kelas Bimbingan Mualaf bagi mengajar mualaf mengenai riwayat hidup Nabi Muhammad SAW. Tinjauan ini telah mengajukan 10 soalan kepada mualaf selaku responden untuk menilai tahap kefahaman sirah. Hasil tinjauan mengenai tahap kefahaman sirah mualaf telah dihuraikan dalam jadual 6.

Jadual 6 Soalan Kefahaman Sirah Mualaf

Bil	Soalan	Betul	Salah	Min	Sisihan piawai
1	Nabi Muhammad SAW lahir pada bulan Rabiul Awal.	100 (84.7%)	18 (15.3%)	1.70	0.722
2	Nabi Muhammad SAW dilahirkan di Madinah.	67 (56.8%)	51 (43.2%)	1.14	0.995
3	Nabi Muhammad SAW mendapat gelaran al-Amin (yang dipercayai).	101 (85.6%)	17 (14.4%)	1.71	0.705

³⁸ Mustafa Masyhur, *Jalan Dakwah*, trans. Mohd Yusuf Ismail (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2010), 149.

4	Isteri pertama Nabi Muhammad SAW ialah Khadijah binti Khuwailid.	114 (96.6%)	4 (3.4%)	1.93	0.363
5	Nabi Muhammad SAW mempunyai seorang anak lelaki.	69 (58.5%)	49 (41.5%)	1.17	0.990
6	Nabi Muhammad SAW menerima wahyu di gua Hira'.	108 (91.5%)	10 (8.5%)	1.83	0.559
7	Peristiwa hijrah berlaku sebelum Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul.	105 (89%)	13 (11%)	1.78	0.629
8	Nabi Muhammad SAW berdakwah di Mekah selama 13 tahun.	87 (73.7%)	31 (26.3%)	1.48	0.884
9	Masyarakat Mekah sukar menerima dakwah Islam pada peringkat awal.	104 (88.1%)	14 (11.9%)	1.76	0.649
10	Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah.	108 (91.5%)	10 (8.5%)	1.83	0.559

Dalam Jadual 6, analisis terperinci bagi soalan kefahaman sirah menunjukkan hasil berikut: Dalam soalan 1, “Nabi Muhammad SAW lahir pada bulan Rabiul Awal,” majoriti responden 84.7% iaitu 100 memberikan jawapan yang betul. Manakala, 15.3% iaitu 18 responden memberikan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pemahaman yang baik mengenai fakta asas berkenaan bulan kelahiran Nabi Muhammad SWT seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.70. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat sebilangan mualaf yang kurang pendedahan mengenai kalendar Islam dan kemungkinan segelintir mualaf yang memberikan jawapan yang salah ini termasuk dalam kategori tersebut.

Bagi soalan 2, “Nabi Muhammad SAW dilahirkan di Madinah,” majoriti responden 56.8% iaitu 67 memberikan jawapan betul. Manakala, 43.2% iaitu 51 responden memberikan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa lebih separuh bilangan mualaf mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW tidak dilahirkan di Madinah seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.14. Nilai min bagi soalan ini berada pada tahap sederhana menunjukkan bahawa terdapat sebahagian mualaf yang masih keliru mengenai tempat kelahiran Nabi Muhammad SAW yang sebenarnya dilahirkan di Mekah. Pengetahuan mengenai tempat kelahiran Nabi Muhammad SAW adalah penting kerana ia membantu dalam membina gambaran awal latar belakang Baginda. Kefahaman ini dapat memudahkan mualaf memahami sejarah hidup Rasulullah SAW secara kronologi dari awal kelahiran sehingga kewafatan Baginda. Kefahaman mengenai tempat lahir Rasulullah SAW juga dapat membina keterikatan emosi mualaf dengan Rasulullah SAW serta memahami mengapa Mekah mempunyai kedudukan yang istimewa kepada umat Islam.

Seterusnya, bagi soalan 3, iaitu “Nabi Muhammad SAW mendapat gelaran al-Amin (yang dipercayai),” majoriti responden 85.6% iaitu 101 menjawab dengan jawapan yang betul. Terdapat 14.4% iaitu 17 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mengetahui bahawa gelaran al-Amin adalah gelaran yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW seperti yang ditunjukkan oleh nilai min = 1.71. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil responden masih kurang pendedahan mengenai sifat dan gelaran Nabi Muhammad SAW. Setiap Muslim perlu mengetahui asal usul gelaran tersebut diberikan kepada Nabi Muhammad SAW agar dapat mengenal akhlak Baginda serta mencontohinya dalam kehidupan seharian.

Manakala bagi soalan 4, iaitu “Isteri pertama Nabi Muhammad SAW ialah Khadijah binti Khuwailid,” majoriti 96.6% iaitu 114 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Hanya 3.4% iaitu empat sahaja yang menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti mualaf mengetahui bahawa Saidatina Khadijah binti Khuwailid merupakan isteri pertama Rasulullah SAW. Keputusan ini disokong dengan nilai min = 1.93. Fakta ini merupakan fakta yang sangat penting dalam

sirah Nabi Muhammad SAW kerana isteri pertama Baginda memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan, dari sebelum kerasulan sehingga selepas kerasulan. Oleh itu, pengetahuan dan kefahaman mengenai isteri pertama merupakan sebahagian daripada perkara asas dalam membina kefahaman menyeluruh mengenai kehidupan Baginda.

Dalam soalan 5, iaitu “Nabi Muhammad SAW mempunyai seorang anak lelaki,” majoriti 58.5% iaitu 69 responden memberikan jawapan yang betul dan 41.5% iaitu 49 responden memberikan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada muaf yang menjadi responden kajian ini tidak tahu mengenai bilangan anak lelaki Nabi Muhammad SAW seperti yang ditunjukkan oleh nilai $\min = 1.17$. Nilai \min bagi soalan ini berada pada tahap yang sederhana. Setiap Muslim seharusnya mengetahui latar belakang Nabi Muhammad SAW kerana ia merupakan salah satu cara mencintai Baginda termasuk mengetahui nama anak serta bilangannya. Selain itu juga, ia dapat menunjukkan usaha seseorang Muslim untuk mengenali dan mendalami kehidupan Rasulullah SAW termasuk ahli keluarga Baginda.

Seterusnya, dalam soalan 6, iaitu “Nabi Muhammad SAW menerima wahyu di gua Hira’,” seramai 91.5% iaitu 108 responden menjawab dengan jawapan yang betul dan 8.5% iaitu 10 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti muaf mengetahui peristiwa penurunan wahyu pertama yang berlaku di gua Hira’. Keputusan ini disokong oleh nilai $\min = 1.83$. Pengetahuan dan kefahaman mengenai peristiwa penurunan wahyu pertama juga merupakan perkara yang penting kepada orang Islam kerana peristiwa ini dapat membantu umat Islam, khususnya muaf dalam memahami konteks permulaan dakwah dan cabaran yang dihadapi oleh Nabi Muhammad SAW.

Bagi soalan 7, iaitu “Peristiwa hijrah berlaku sebelum Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul,” majoriti 89% iaitu 105 memberikan jawapan yang betul. Manakala, 11% iaitu 13 responden memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan hasil analisis data yang berikut, didapati bahawa majoriti muaf mengetahui peristiwa penting dalam sejarah Islam iaitu peristiwa Hijrah yang menandakan perubahan strategik dalam

perkembangan dakwah Islam yang berlaku selepas Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul. Keputusan ini turut disokong oleh nilai $\text{min} = 1.78$.

Seterusnya bagi soalan 8, iaitu “Nabi Muhammad SAW berdakwah di Mekah selama 13 tahun,” majoriti 73.7% iaitu 87 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala, seramai 26.3% iaitu 31 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW berdakwah di Mekah selama 13 tahun dan seterusnya baginda meneruskan dakwah Baginda di Madinah seperti yang ditunjukkan oleh nilai $\text{min} = 1.48$. Pengetahuan asas ini penting untuk difahami oleh mualaf kerana ia dapat membantu memahami fasa awal pengembangan dakwah Rasulullah SAW serta cabaran yang dihadapi oleh Baginda dan para sahabat sepanjang tempoh penyebaran dakwah di Mekah. Kefahaman ini juga dapat membantu mualaf memahami bahawa penyampaian dakwah Islam telah dilaksanakan secara berperingkat, selari dengan tahap penerimaan dan kemampuan umat Islam pada ketika itu.

Berdasarkan soalan 9, “Masyarakat Mekah sukar menerima dakwah Islam pada peringkat awal,” majoriti 88.1% iaitu 104 responden memberikan jawapan yang betul, manakala 11.9% iaitu 14 responden memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan analisis data yang dibuat, majoriti mualaf mengetahui bahawa dakwah Rasulullah SAW pada peringkat awal telah ditolak oleh masyarakat Mekah. Ini dibuktikan dengan nilai $\text{min} = 1.76$. Soalan ini adalah penting dalam menilai kefahaman sirah mualaf agar mualaf tahu bahawa Rasulullah SAW dan para sahabat juga menerima tentangan yang hebat dalam menyampaikan Islam. Peristiwa penentangan dakwah ini boleh menjadi motivasi dan kekuatan kepada mualaf yang baru memeluk Islam.

Seterusnya, dalam soalan 10 yang menyatakan “Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah,” seramai 91.5% iaitu 108 responden menjawab dengan jawapan yang betul. Manakala, 8.5% iaitu 10 responden menjawab dengan jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden telah memahami dengan baik peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW, dan disokong oleh nilai $\text{min} = 1.83$. Sebagai seorang Muslim, peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah merupakan peristiwa

yang sangat penting dalam Islam kerana ia menandakan perubahan besar dalam perkembangan dakwah Islam. Ketika penduduk Mekah masih giat menentang dakwah Rasulullah SAW, penduduk Madinah pula menerima kedatangan Baginda dengan penuh keterbukaan dan sokongan. Peristiwa hijrah ini bukan sahaja menuntut perpindahan secara fizikal, malah ia turut menuntut kesabaran dan pengorbanan yang sangat besar dalam membina kehidupan baharu di tempat yang juga baharu. Oleh itu, pengetahuan dan kefahaman mengenai peristiwa hijrah ini dapat membantu mualaf memaknai erti perubahan dan keteguhan dalam beragama serta meningkatkan usaha untuk menjadi individu Muslim yang terbaik.

Kesimpulan dari 10 soalan kefahaman asas sirah yang dikemukakan, hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti mualaf sebagai responden dalam tinjauan ini memiliki pengetahuan dan kefahaman yang baik mengenai sirah Nabi Muhammad SAW. Perkara ini dapat dilihat melalui konsistensi peratus dan frekuensi responden yang menjawab semua soalan sirah dengan jawapan yang betul adalah lebih tinggi berbanding peratus dan frekuensi responden yang menjawab dengan jawapan yang salah. Keputusan ini menunjukkan keberkesanan Kelas Bimbingan Mualaf oleh Hidayah Centre Foundation Lembah Klang dalam aspek kefahaman sirah. Bagi melahirkan mualaf yang memahami dan menghayati sirah, Hidayah Centre Foundation Lembah Klang boleh pelbagaikan cara penceritaan, penyampaian, penerangan dan aktiviti bagi memastikan para mualaf yang hadir ke Kelas Bimbingan Mualaf mempunyai minat mendalam untuk mempelajari dan mencintai sirah.

Kesimpulan

Kelas Bimbingan Mualaf yang dianjurkan oleh Hidayah Centre Foundation, Lembah Klang bertujuan untuk memberikan kefahaman asas Islam kepada mualaf dalam aspek akidah, ibadah, akhlak dan sirah. Kefahaman asas ini amat penting bagi mualaf yang baru memeluk Islam supaya mereka dapat menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Namun demikian, terdapat segelintir mualaf yang masih memerlukan bimbingan khusus untuk memahami asas Islam. Keperluan ini mungkin disebabkan oleh faktor seperti tahap komitmen mualaf dalam menghadiri

kelas, latar belakang pendidikan, limitasi mendapatkan sumber rujukan tambahan ilmu agama dan faktor yang lain. Oleh itu, mualaf yang masih lemah kefahaman asas Islam perlu diberikan perhatian dan sokongan agar mereka dapat mengamalkan asas tersebut dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, matlamat utama Kelas Bimbingan Mualaf bukan sahaja untuk melahirkan Muslim yang faham asas Islam, bahkan membentuk individu yang dapat mengamalkan asas agama dalam kehidupan menurut al-Quran dan al-Sunnah. Islam merupakan cara hidup bagi setiap Muslim dan bukan agama ritual yang dilakukan pada masa, keadaan dan tempat tertentu semata-mata.

Rujukan

- “Kelas Bimbingan Mualaf.” *Hidayah Centre*. Accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/aktiviti/kelas-bimbingan-mualaf/>.
- “Laporan Tahunan 2023 Hidayah Centre Foundation.” *Hidayah Centre*. Accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/laporan/>.
- “Sejarah, Visi dan Misi.” *Hidayah Centre*. Accessed January 6, 2026, <https://hidayahcentre.org.my/info-hcf/>.
- Don, Abdul Ghafar. “Teknologi Kepimpinan Mualaf.” In *Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia*, edited by Abdul Halim Tamuri dan Baharudin Othman. Keningau: Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, 2021.
- _____, Razaleigh Muhamat@Kawangit dan Ahmad Irdha Mokhtar. “Pembangunan Kepimpinan Asnaf Mualaf dalam Pemeraksanaan Gerakan Dakwah.” *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6.2 (2023): 96-103.
- Kasim, Ahmad Yunus, Samsuddin Abdul Hamid, dan Misnan Jemali. “Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM.” *Jurnal Perspektif* 1 (2017): 89-100.
- Sabiq, Al-Sayyid. *Al-‘Aqaid al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1985.
- Suhid, Asmawati, Fathiyah Mohd Fakhruddin, dan Abd. Muhsin Ahmad. “Pendidikan Mualaf di Malaysia: Persepsi Guru dan Pelajar Mualaf.” Prosiding Sistem Pendidikan Islam

- (Mualaf) di Malaysia 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Sabah, 24-28 Ogos 2021.
- Syahira, Ayesha. *Talk to Allah: Finding Comfort by Making Du'a to Him*. Seri Kembangan: Iman Publication, 2019.
- Adenan, Faezy, Asmaa' Mohd Arshad, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Azri Bhari dan Siti Afifah Mat Rani. "Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa Terhadap Tahap dan Kandungan." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22.1 (2021): 266-276.
- Yakan, Fathi. *Maza Yakni Intima' Lil Islam*. Translated by Alias Othman. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1985.
- Opir, Hajar, Wan Yusnee Abdullah, Ezatul Emilia Muhammad Arif, dan Joannes Lukas. "Pembangunan Insan Terhadap Saudara Baru Melalui Pendidikan Berasaskan Filantropi di Hidayah Centre Foundation." *International Journal of Islamic Studies* 30.2 (2023): 129-141.
- Jasmi, Kamarul Azmi, dan Abdul Halim Tamuri. *Dasar Akidah Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2011.
- Mardinal Tarigan, Adinda Hariana Safitri, Siti Khairuna Salwah Lubis, Ulfa Hermaini dan Bima Khoirur Rozzaq. "Manusia Sebagai Abdullah dan Manusia Sebagai Khalifah Fil Ardh." *Innovative: Journal of Social Science Research* 4.3 (2024): 16978.
- Shah, Mohd Azmi Mat, dan Maimunah Ismail. "Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka." *Pertanika Journal* 11.1 (2003): 81-95.
- Ismail, Mohd Noorazlan Md, dan Nor Aini Ali. "Konsep Asnaf Mualaf dan Had Pengukuran Mualaf." *Jurnal al-Basirah* 13.1 (2023): 25-41.
- Zin, Mohd, Ahamad Asmadi Sakat, Mohd Roslan Mohd Nor, Mohd Arip Kasmoo, Norakyairee Mohd Raus, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Mohd Othman, Mazlan Ibrahim, Jaffary Awang, dan Latifah Abdul Majid. "Perspective on Fundamentals of Fardhu Ain Among Muslim Converts." *Advances in Natural and Applied Sciences* 5.5 (2011): 456-461.
- Wikrama, Muhammad Falah, dan Ferianto. "Meneladani Kisah Seorang Muadzbin Pertama, Bilal bin Rabbah." *Jurnal Wahana Karya Ilmiah Pendidikan* 6.2 (2022): 1-10.

- Manshur, Muhammad Husain Isa Ali. *Syarah 10 Muwashafat: Penjelasan Lengkap 10 Karakter Muslim Tangguh*. Translated by Faridi dan Syauqi Hafizh. Solo: PT Era Adicitra Intermedia, 2018.
- Djuned, Muslim, dan Pinar Ozdemir. “Penafsiran Ayat-Ayat Amar Ma’ruf Nahi Munkar Menurut Muhammad Fethullah Gulen.” *TAFSE: Journal of Qur’anic Studies* 4.2 (2019): 195-210.
- Masyhur, Mustafa. *Jalan Dakwah*. Translated by Mohd Yusuf Ismail. Dewan Pustaka Fajar: Shah Alam, 2010.
- Rahin, Nur Shuhadah Abdul, Suhaila Abdullah dan Nur Izzaty Mohamad. “Pengurusan Pengajian Islam Terhadap Mualaf.” *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7.1 (2024): 216-228.
- Al-Buti, Sa’id Ramadan. *Fiqh al-Sirah*. Translated by Mohd. Darus Sanawi ‘Ali. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1985.
- Razak, Safiah Abd, Che Zarina Sa’ari dan Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. “Adab Solat dan Puasa Serta Hubungannya dengan Pembangunan Rohani Insan: Analisis Pemikiran al-Sarraj (M.378 H) dalam Karya al-Luma’ fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami.” *Jurnal al-Basirah* 9.1 (2019), 19-37.
- Mydin, Shaik Abdullah Hassan, Abdul Salam Muhamad Shukri, dan Mohd Abbas Abdul Razak. “Peranan Akhlak dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21.1 (2020): 38-54.
- Bakar, Siti Adibah Abu, dan Siti Zubaidah Ismail. “Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan.” *Jurnal Usuluddin* 46.2 (2018): 97-122.
- Yahya, Siti Aishah, Norhasima Abdullah, Suzyliana Mamat, Atini Alias, dan Nor Azilah Johari. “Hubungan Penghayatan Agama dan Sokongan Sosial Terhadap Tekanan dalam Kalangan Mualaf di Melaka.” [Keluaran Khas] *Jurnal ‘Ulwan* 6.1 (2021): 22-38.
- Mohamed, Siti Nurjannati, dan Razaleigh Muhamat@Kawangit. “Analisis Ringkas Impak Dakwah kepada Golongan Mualaf di Hulu Langat, Selangor.” *International Journal of*

Civilizational Studies and Human Sciences 3.2 (2020): 110-123.

Syahril, Said Agil Husin Al Munawar, dan Alwizar. “Pendidikan Ibadah dalam Perspektif al-Quran.” *Jurnal An-Nur* 11.1 (2022): 51-60.

Hin, Taufiq Yap Yun. “Hala Tuju Pendidikan Tinggi Muallaf di Malaysia: Isu dan Cabaran.” Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Sabah, 24-28 Ogos 2021.

Ulya, Umniyyatul. “Efektivitas Yayasan Mualaf Center Indonesia dalam Membina Keagamaan Mualaf.” *Jurnal Multikultural & Multireligius* 19.1 (2020): 162-171.